



Pada tanggal 8 Mei 2020, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah mengadakan program ceramah online yang bertajuk Post Covid-19: A New Norm, Quest for New Frontier yang telah disertai lebih kurang 30 orang staf UiTM Rembau. Program ini telah menjemput dua orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Rembau, iaitu Dr. Noor Azam Abd Aziz dan Encik Afizan Amer sebagai penceramah jemputan.

Program ini telah dirancang bagi memenuhi beberapa objektif sesuai dengan situasi semasa. Antara lain, objektif program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman di kalangan pensyarah mengenai konsep “Norma Baharu”. Program ini juga membincangkan tentang strategi pelaksanaan “Norma Baharu” dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, kemasyarakatan, pendidikan dan lain-lain. Para penceramah juga turut menerangkan tentang kesan pelaksanaan era “Norma Baharu”.



## KONSEP KEBIASAAN BAHARU DAN NORMA BAHARU

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menambah dua istilah semasa kedalam daftar istilah iaitu Kebiasaan Baharu (New Normal) dan Norma Baharu (New Norm). Kebiasaan Baharu ditafsirkan sebagai tindakan atau tingkah laku yang baharu atau tidak seperti kebiasaan untuk dijadikan standard dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu disebabkan oleh sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit. Norma Baharu pula ditafsirkan sebagai peraturan yang diterima atau diguna pakai oleh masyarakat disebabkan berlakunya sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit.

Berikut adalah antara strategi yang boleh dilaksanakan dalam bidang perniagaan dalam mendepani kesan akibat wabak Covid-19:

### 1. Berniaga secara dalam talian

Usahawan di Malaysia, tidak kira kecil atau besar disarankan untuk meneruskan perniagaan mereka secara dalam talian pada ketika pandemik masih ada, terutama sekiranya terdapat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana ianya menghadkan sektor perniagaan untuk beroperasi serta pergerakan orang awam juga adalah terhad. Kaedah ini bukanlah sesuatu yang baharu tetapi ianya perlu dipertingkatkan. Ramai usahawan di Malaysia memanfaatkan kaedah ini termasuk mempromosikan produk jualan di platform digital seperti Lazada, Shopee, Grab, FoodPanda dan lain-lain platform digital.

### 2. Ambil peluang dengan inisiatif bantuan kerajaan

Bagi peniaga di bawah industri PKS, mereka boleh memanfaatkan inisiatif kerajaan yang membantu mereka melonjakkan kembali ekonomi. Salah satunya adalah Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) menerusi Tekun Nasional (Tekun). Skim pembiayaan mikro ini membantu usahawan yang terjejas akibat wabak COVID-19 dalam memulih dan memulakan semula perniagaan sedia ada.



### 3. Tampil dengan cara baharu

Berdasarkan keadaan semasa, para usahawan juga perlu berusaha untuk memastikan produk jualan mereka kekal relevan. Oleh yang demikian, mereka perlu lebih kreatif dalam memasarkan produk jualan masing-masing untuk menarik minat pelanggan. Jika sebelum ini, promosi hanya menggunakan flyers atau poster, mungkin sekarang usahawan boleh menggunakan platform media sosial untuk mengiklankan produk masing-masing seperti FB dan Instagram. Ini kerana ramai yang duduk dirumah dan akan mempunyai lebih masa untuk melayari media sosial.

### 4. Pos sekerap mungkin dalam media sosial

Secara purata, kajian menunjukkan yang seseorang itu meluangkan masa dengan media sosial selama 2 jam dan 22 minit sehari. Melihat kepada PKP yang sedang dilaksanakan, tidak hairan lebih ramai yang meluangkan masa dengan media sosial. Oleh yang demikian, usahawan bukan sahaja perlu memilih strategi pengkilanan di media sosial tetapi harus juga memaparkan perniagaan di media sosial sekerap yang mungkin. Promosi yang berterusan dan konsisten biasanya akan menghasilkan jualan yang lebih efektif.

### 5. Tawarkan perkhidmatan penghantaran segera

Antara strategi yang turut boleh dilaksanakan dalam perniagaan dalam norma baharu ialah dengan menyediakan perkhidmatan penghantaran pada hari yang sama atau pada waktu yang ditetapkan. Usahawan bukan sahaja boleh menjual produk secara online malah boleh turut sama menawarkan servis penghantaran kepada pelanggan. Ini akan memberi faedah bukan sahaja kepada pelanggan malah turut mencipta peluang pekerjaan kepada mereka yang berminat untuk menjadi agen penghantar.

Dalam bidang pendidikan pula, adalah menjadi kebiasaan baru untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara online setelah wabak Covid-19 melanda. Jika dahulu, mod pengajian seperti ini hanya

ditawarkan kepada pelajar Program Pengajian Jarak Jauh (PJJ), namun setelah kebanyakan pelajar tidak dibenarkan untuk pulang ke kampus masing-masing, P&P secara online telah digunapakai secara maksimum. Nota, tugas serta pentaksiran semuanya dilaksanakan di dalam talian. Ianya sememangnya memerlukan komitmen dari pihak tenaga pengajar serta para pelajar sendiri.

Oleh yang demikian, tenaga pengajar boleh mempelbagaikan teknik pengajaran yang lebih sesuai untuk disampaikan melalui platform digital seperti rakaman video, rakaman skrin (screen recording), penggunaan aplikasi pengajaran yang lebih interaktif seperti Kahoot!, Quizziz, Socrates serta mengunapakai Learning Management System (LMS) yang telah disediakan oleh pihak institusi masing-masing mahupun yang tersedia di pasaran seperti Google Classroom.

Aktiviti syarahan dan tutorial dalam bilik kuliah telah diganti dengan syarahan melalui aplikasi komunikasi video seperti Zoom, Google Meet dan Microsoft Teams. Peranti yang sesuai untuk menjalankan aktiviti ini seperti kamera video beresolusi tinggi, mikrofon, "ring light", skrin hijau serta papan tulis digital menjadi buruan setiap tenaga pengajar bagi memudahkan sesi P&P.

Untuk masyarakat secara amnya, pelbagai Prosedur Operasi Standard (SOP) baharu diperkenalkan kerajaan seperti SOP untuk aktiviti sosial, keagamaan, dan juga perkahwinan. Semua kaedah yang diperkenalkan ini merupakan suatu fenomena yang baharu kepada masyarakat di negara ini.

Jika sebelum ini, masyarakat Malaysia terkenal dengan budaya berjabat tangan apabila berjumpa sesama sendiri, ianya telah diganti dengan hanya meletakkan tangan di dada sebagai tanda hormat tanpa sebarang sentuhan. Majlis pernikahan yang sebelum ini dilaksanakan dengan meriah di rumah atau di masjid dengan kehadiran ramai tetamu dari kalangan keluarga dan kenalan sudah berubah kepada majlis kecil yang dihadiri keluarga terdekat. Malah ada yang dilaksanakan secara

online apabila pasangan tinggal di berlainan tempat.

Lama-kelamaan, perkara yang menjadi norma baharu ini akan menjadi sebahagian daripada amalan kehidupan mereka kelak. Kecanggihan dan kemudahan teknologi yang ada di Malaysia hari ini akan memudahkan lagi masyarakat untuk mengamalkan norma baharu ini. Aktiviti yang dikategorikan sebagai norma baharu ini mungkin menjadi perkara baharu kepada masyarakat masa kini namun bakal menjadi amalan biasa bagi masyarakat masa depan.



Fakulti Pengurusan Pemiagaan